

05/08/2004

Anak harus diberi sokongan

GEORGETOWN: Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, meminta ibu bapa memberikan sokongan, dorongan dan perhatian kepada anak supaya mereka terus berjaya serta menjadi insan berguna.

Baginda selaku Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) bertitah, ini kerana masyarakat hari ini berdepan pelbagai gejala amat membimbangkan.

Titah baginda, lebih menakutkan lagi ia membabitkan semua peringkat masyarakat, termasuk di kalangan mereka yang berkelulusan tinggi.

"Ibu bapa harus bersama-sama anak walaupun mereka sudah dewasa.

"Beta percaya, sokongan keluarga akan membantu mengatasi banyak masalah yang ada sama ada suami, isteri dan anak," titah baginda pada sidang pertama Konvokesyen USM ke-33 di sini, semalam.

Hadir sama, Yang di-Pertuan Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri Toh Puan Majimor Sharif; Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Naib Canselor USM, Prof Datuk Dzulkipli Abdul Razak; dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Tuanku Fauziah bertitah, pada masa sama anak tidak harus lupa tanggungjawab mereka kepada ibu bapa, di samping memupuk kasih sayang, menghormati ibu bapa, menyayangi anak dan keluarga yang menjadi teras kejayaan.

"Beta menyeru semua graduan universiti, ibu bapa dan keluarga memikirkan hal ini sedalam-dalamnya," titah baginda.

Baginda bertitah, universiti sudah menunaikan tanggungjawabnya, kini graduan pula yang harus melaksanakan amanah yang dipikul.

"Contohnya semangat, ketekunan dan pemikiran besar yang ditunjukkan tokoh berjasa seperti Tun Dr Mahathir Mohamad," titah baginda.

"Contohnya kerja keras, komitmen dan perasaan cintakan bangsa serta negara yang ditunjukkan kepada kita selama ini.

"Pemikiran beliau (Dr Mahathir) jauh ke depan dan beliau tidak pernah mengalah dengan tekanan dan masalah yang dihadapi," titah baginda.

Terdahulu, baginda menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Dr Mahathir kerana menghargai jasa dan sumbangannya dalam pembangunan negara sepanjang 20 tahun menjadi Perdana Menteri keempat negara, terutama dalam bidang sains dan teknologi.

Baginda turut menyampaikan ijazah kepada 293 graduan termasuk 100 Doktor Falsafah (PhD), Doktor Pentadbiran Perniagaan (lapan), Doktor Pendidikan (satu), Sarjana Sains (tujuh), Sarjana Perubatan (86), Sarjana Patologi (tiga), Sarjana Perubatan Masyarakat (sembilan), Sarjana Muda Sains Kesihatan (49) dan Doktor Pergigian (29).

(END)